

MEMAKNAI SEMULA *ILĤĀD* BERASASKAN EPISTEMOLOGI DAN RETROSPEKTIF *REDEFINING ILĤĀD THROUGH AN EPISTEMOLOGICAL AND RETROSPECTIVE LENS*

Najla Farahanim Zamri^{1*}, Mohamad Zaidin Mohamad @ Mat¹, Rahimah Embong², Baharrudin Zainal¹ & Faizuri Abd Latif³

¹ Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

³ Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

ARTICLE INFO

*Author Email Address:
SI4509@unisza.putra.edu.my

Submitted Date:
15 August 2023

Revised Date:
15 November 2023

Accepted Date:
30 December 2023

Kata Kunci:
Ateisme, Ilhad, Sekularisme,
Liberalisme, Naturalisme, Materialisme

Keywords:
Atheism, Ilhad, Secularism, Liberalism, Naturalism, Materialism, ,

Cite as:

Najla Farahanim Zamri, Mohamad Zaidin Mohamad @ Mat, Rahimah Embong, Baharrudin Zainal & Faizuri Abd Latif. 2023. Memaknai Semula *IlĤād* Berasaskan Epistemologi dan Retrospektif *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 24(3): 46-70

ABSTRAK

Sejarah umat Islam tidak pernah sunyi dari ancaman pemikiran yang menyeleweng. Salah-satunya ialah ateisme yang mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat moden hasil dari penularan falsafah Barat sejak zaman pra-modenisasi. Ateisme seringkali diterjemahkan sebagai *ilĥād* walaupun kedua-dua perkataan ini merupakan cambahan perbincangan pemikiran dari dua aliran yang berbeza iaitu pemikiran Barat dan Islam. Terjemahan secara literal ini dengan meminggirkan aspek etimologi dan sejarah kedua-dua tamadun ini menyukarkan istilah *ilĥād* untuk diterapkan secara tuntas dalam realiti masyarakat Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesesuaian penggunaan istilah *ilĥād* berasaskan epistemologi dan retrospektif. Kajian jenis kualitatif ini menggunakan reka bentuk kajian analisis kandungan. Data-data kajian dikumpulkan melalui kaedah pendokumentasian dan dianalisis secara analisis kandungan. Hasil mendapati bahawa *ilĥād* mempunyai makna yang lebih luas dan ia terarah kepada satu titik iaitu meleraikan diri dari ikatan ketuhanan dan menafikan fitrah. Perluasan semula makna istilah ini wajar diangkat bagi membolehkan ia difahami dan diterapkan secara tuntas dalam menyelesaikan masalah umat Islam semasa.

ABSTRACT

Throughout Islamic history, the Muslim community has consistently faced challenges posed by deviant philosophies. Among these, atheism has increasingly influenced modern societies, especially following the widespread dissemination of Western philosophical ideas from pre-modern times. Atheism is frequently equated with the term *ilĥād*, despite originating from fundamentally distinct intellectual traditions of the Western and Islamic civilizations. Such literal translations overlook essential etymological and historical nuances, complicating the precise and effective application of the term *ilĥād* in contemporary Islamic discourse. Thus, this study critically reassesses the appropriateness of employing *ilĥād* through epistemological and retrospective lenses. Adopting a qualitative document-analysis methodology, relevant data were systematically gathered and examined via content analysis. Findings reveal that *ilĥād* possesses broader implications, primarily characterized by the act of detaching oneself from the divine bond and negating inherent human nature (*fitrah*). Therefore, expanding and refining the conceptual understanding of *ilĥād* is crucial for effectively addressing contemporary ideological challenges faced by the Muslim community.

PENGENALAN

Ateisme merupakan satu bentuk pemikiran bercanggah daripada nilai tauhid yang menjadi prinsip utama agama Islam. Kajian menunjukkan penganut ateisme lebih ramai di negara-negara Asia dengan China berada pada kedudukan paling tinggi ateis (Urzula et al., 2020). Apabila ateisme mula menular kepada dunia dan umat Islam, ia mula dibahaskan oleh para ulama' dan pemikir Islam menggunakan istilah *ilhād* manakala ateis disebut sebagai mulhid. Perbincangan mengenai ateisme dan *ilhād* ini bukanlah perkara yang baru memandangkan kedua-duanya adalah aliran pemikiran yang telah wujud lama dan berkesinambungan sehingga kini.

Penelusuran sejarah terhadap kedua-dua tamadun ini menunjukkan bahawa ateisme dan *ilhād* merujuk kepada makna yang lebih luas dan ia sangat dipengaruhi oleh latar masyarakat pada ketika itu. Perkembangan dan takrif asal makna kedua-dua konteks ini juga berbeza namun kini ia diterjemahkan dan digunakan untuk merujuk kepada makna yang sama iaitu ketidakpercayaan kepada Tuhan. Keadaan ini menimbulkan kesukaran dalam menyelesaikan isu umat Islam khususnya secara tuntas. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk menghalusi semula penggunaan *ilhād* melalui kajian terhadap sejarah dan maksud kedua-dua istilah ini kerana ia berkait-rapat dengan isu keimanan yang menjadi prinsip utama dalam agama Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Berdasarkan objektif yang ditetapkan, kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dan kajian sejarah yang menumpukan kepada pengumpulan data melalui analisis bahan bertulis seperti buku, artikel jurnal, tesis, dan dokumen yang relevan dengan perbincangan ateisme dan *ilhād* dalam konteks Barat dan Islam. Antara dokumen utama yang digunakan dalam mengenal pasti tema dan konsep perbincangan ini ialah karya Bullivant iaitu *The Oxford Handbook of Atheism* dan *The Varieties of Unbelief* oleh Gaskin manakala dalam konteks Islam sumber utama yang digunakan untuk memahami *ilhād* melalui tafsiran al-Quran, mu'jam dan karya al-Badwi yang bertajuk *Tarīkh al- Ilhād*. Kaedah analisis data yang digunakan ialah analisis induktif. Menurut Thomas (2006), analisis induktif merujuk kepada pendekatan yang menggunakan taakulan terhadap data mentah untuk mendapatkan konsep, tema atau model menggunakan tafsiran yang dibuat sendiri oleh pengkaji.

ATEISME DALAM KONTEKS BARAT

Perkataan *atheism* adalah gabungan perkataan 'a' (tiada atau kekurangan) dan 'theos' (tuhan) dalam Bahasa Yunani (Bullivant, S., 2013) manakala *-ism* merujuk kepada bentuk pemikiran atau ideologi. Oleh itu, *atheism* didefinisikan sebagai kepercayaan terhadap ketiadaan Tuhan atau 'the belief that there is no God' (Merriam Webster, t.th.). Dalam Bahasa Melayu *atheism* diterjemahkan sebagai ateisme merujuk kepada kepercayaan atau pemikiran yang sama (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014). Konsep ketuhanan ini merangkumi panteisme, politeisme dan monoteisme. Dalam masa yang sama, perkataan ateisme mempunyai pertindihan makna dengan pola pemikiran yang senada seperti *unbelief*, skeptikal dan agnostik (Gaskin, 1989). Manakala menurut Hyman (2010), *unbelief* telah berevolusi kepada skeptikal dan pemikiran bebas (*free thinker*) sebelum ia disebut sebagai ateisme. Walaupun ketiga-tiga istilah ini

mempunyai makna yang berbeza, ia merangkumi pola fikir yang sama dan boleh disekalikan untuk merujuk kepada satu sikap yang abstrak dalam kalangan masyarakat. Malah Baggini (2013) menyatakan bahawa ateisme tidak sahaja menyalahi bentuk-bentuk kepercayaan atau agama yang lain, tetapi ia juga pada maksud agnostisisme.

Dalam realiti masyarakat, definisi ateisme sukar diterapkan secara tuntas. Walaupun ketidakpercayaan kepada Tuhan biasanya disertai dengan penolakan terhadap unsur-unsur luar biasa (*supernatural*) dan alam metafizik (*trancendental reality*) (Baggini, 2003; Bloch, 2011). Namun begitu, Bullivant (2013) yang memetik kajian Eller (2010) menyatakan bahawa jumlah ateis yang mempercayai perkara-perkara ghaib seperti hantu, kehidupan roh dan sebagainya adalah sangat besar. Bagi memahami realiti masyarakat ini, para sarjana Barat telah cuba membahagikan ateis kepada beberapa golongan. Pembahagian yang paling ringkas dan umum terdiri daripada dua iaitu;

- a. ateisme positif (*explicit atheism*): Pemikiran yang jelas bahawa Tuhan itu tidak wujud dan;
- b. Ateisme negatif (*implicit atheism*): Lebih bersifat pasif yang merujuk kepada pemikiran yang kosong dan tidak mempunyai idea tentang kewujudan dan konsep ketuhanan (Martin, 2007; Michael, 2013).

Manakala perbahasan yang lebih kompleks melibatkan banyak teori mengikut idea dan pemikiran para sarjana. Christopher, et al., (2014) mengelaskan golongan ateis kepada enam seperti;

- a. *Intellectual atheist/ agnostic (IAA)*,
- b. *Activist atheist / agnostic (AAA)*:
- c. *Seeker-agnostic (SA)*
- d. *Anti-theist atau New Atheist*:
- e. *Non-theist*
- f. *Ritual-theist /agnostic (RAA)*.

Dalam masa yang sama, kelompok ateisme ini juga disebut sebagai konstruktif, epistemologi, praktikal, nihilistik, aksiologi, reduksionis dan lain-lain (Michael, 2013). Manakala Walker (2019) pula dalam menganalisis tujuh jenis ateis yang dibuat oleh John Gray sebagai;

- a. ateisme abad ke-19
- b. humanisme sekular,
- c. sains sebagai agama (dipengaruhi fahaman rasionalisme),
- d. agama politik moden (bercirikan Marxisme, liberalisme dan sekular),
- e. pembenci Tuhan (menganggap Tuhan sebagai musuh sifat kemanusiaan),
- f. ateisme tanpa kemajuan dan ateisme senyap (*atheism of silence/mystical atheism*).

Sejarah Ateisme

Ateisme di Barat mempunyai sejarah panjang yang berkembang seiring dengan perubahan pemikiran falsafah, sains, dan sosio-politik. Makna ateisme adalah lebih luas dari sekadar definisi bahasa sejak Tamadun Yunani dan Rom (Alexander, 2019). Oleh itu, kajian membahagikan sejarah ateisme kepada zaman klasik, zaman moden dan abad ke-21.

Ateisme pada Zaman Klasik

Pada zaman klasik tamadun Rom dan Yunani Purba, konsep agama dan ketuhanan dipandang tinggi. Tuhan dipercayai wujud dalam bentuk dewa-dewi yang berbagai (*politheism*) dan ia dijadikan sebagai sebahagian daripada kedaulatan negara. Individu yang menentang konsep ini dianggap menentang prinsip negara, tidak setia dan boleh dihukum bunuh. Disebabkan keterikatan melampau ini, istilah ketidakpercayaan (*unbelief*) muncul dan dianggap sebagai ateis klasik. Walaupun begitu, masyarakat yang tidak menolak adat dan ritual umum yang ditetapkan oleh negara terkeluar dari gelaran *unbelief* tersebut walaupun mereka menolak kepercayaan terhadap Tuhan. Perkara ini dapat dilihat melalui keterbukaan dan kebebasan para ahli falsafah Epicurea sedangkan golongan Kristian awal yang tidak mahu menyembah ‘tuhan’ kerajaan Rom diseksa (Gaskin, 1989).

Manakala golongan falsafah ini bebas membahaskan sesuatu perkara secara mendalam selagi ia tidak bertentangan dengan pemerintah. Democrates, seorang pemikir Yunani yang mengasaskan teori atom (*atomisme*) menyatakan bahawa tuhan merupakan jelmaan atom, zarah dan ruang kosong tidak dikenakan tindakan serius sebagaimana Socrates yang mencabar prinsip negara. Aliran ateisme pada zaman klasik Barat terdiri daripada tiga iaitu;

- a. Ateisme dari sudut sosial: Merujuk kepada latar belakang masyarakat pada ketika itu yang menjadikan kepercayaan terhadap agama dan Tuhan sebagai ciptaan bagi menyokong kestabilan negara. Fahaman ini tidak dinyatakan secara jelas di atas faktor politik.
- b. Fahaman Skeptikal: Fahaman skeptikal merujuk kepada kepercayaan keupayaan manusia untuk mencapai kebenaran secara yakin dalam bidang ilmu adalah mustahil. Walaupun golongan ini tidak menafikan dan menyatakan prinsip yang jelas terhadap kewujudan Tuhan, mereka lebih cenderung untuk membantah perkara ini.
- c. Aliran Materialisme yang dibawa oleh Epicurea: Berpegang kepada pembuktian secara fizikal atau melalui pancaindera semata-mata dan menolak sebarang unsur metafizik dalam kejadian alam semesta sekali gus menunjukkan ketiadaan Tuhan. Fahaman ini juga menolak kehidupan selepas kematian kerana menganggap zarah-zarah tidak boleh dibahagikan menjadi entiti atau alam yang baru kerana ia tidak mempunyai permulaan dan pengakhiran (Gaskin, 1989).

Ateisme Moden (1600-1900)

Era moden merujuk kepada garis masa tamadun Barat yang bermula pada era pra-moden (akhir abad ke-16-abad ke-19). Sebelum itu, pada tahun 1569, aliran pemikiran skeptik menjadi radikal melalui karya Sextus Empiricus dan Michel de Montaigne. Memandangkan aliran ini adalah arus utama intelektual Eropah yang sangat berpengaruh, agama tidak lagi berani dipertahankan sehinggalah dua falsafah pemikiran baru dibawa untuk mengeluarkan masyarakat dari kekeliruan dan menyelamatkan agama iaitu;

- a. Falsafah rasionalisme: Falsafah rasionalisme mempercayai bahawa akal rasional tanpa ikatan adat, wahyu dan persepsi deria adalah satu-satunya cara memperoleh kebenaran. Diperkenalkan oleh René Descartes sebagai satu respon terdesak dan;
- b. Falsafah empirisme: Falsafah rasionalisme mempercayai bahawa akal rasional tanpa ikatan adat, wahyu dan persepsi deria adalah satu-satunya cara memperoleh kebenaran. Ia ini merupakan satu kritikan yang dikemukakan oleh John Locke terhadap falsafah rasionalisme (Gaskin, 1989).

Perubahan falsafah pemikiran ini meresap kepada metodologi saintifik dan menjadi satu revolusi teori pengetahuan. Ia adalah langkah pertama Barat menuju kepada ateisme. Ia dikembangkan oleh David Hume dan Immanuel Kant (Hyman, 2010), sehinggalah empirisme sebagai ideologi yang dominan dalam masyarakat Barat (Buckley, 1987). Alam metafizik dianggap ilusi dan mitos bertentangan dengan akal waras manakala fahaman ateisme dianggap logik oleh Denis Diderot (Buckley, 1987). Penerbitan karya ateisme juga secara jelas iaitu *The System of Nature* (1770) oleh Baron D'Holbach, *The Necessity of Atheism* (1811) oleh Percy Bysshe Shelley dan karya ateisme lain mula mendapat perhatian masyarakat (Muhammad Rashidi Wahab, t.th.).

Ateisme moden kemudian diangkat oleh saintis iaitu Isaac Newton dengan menyatakan bahawa pencarian tentang Tuhan sebenarnya termasuk dalam falsafah alam semula jadi (*natural philosophy*) dan mengabaikan falsafah metafizik (Buckley, 1987). Kenyataan ini juga disebut oleh Liam Jerrold Fraser dalam bukunya; *Atheism, Fundamentalism and the Protestant Reformation* (Fraser, 2018). Konsep 'Tuhan' sebagai zat yang boleh dicerap oleh pancaindera fizikal kemudian dikembangkan pula oleh Funkenstein dengan mengatakan bahawa Tuhan itu berjisim (Hyman, 2010).

Kesan terhadap kepercayaan dan pemikiran sebegini berkesinambungan hingga ke abad ke-19 dengan penolakan agama dan Tuhan secara terus oleh tokoh-tokoh seperti Ludwig Feuerbach, Karl Marx dalam sains sosial manakala Friedrich Nietzsche, Charles Bradlaugh dalam bidang masing-masing. Ia membentuk dua cabang utama pemikiran ateisme iaitu ateisme saintifik (*scientific atheism*) dan ateisme kemanusiaan (*humanistic atheism*) (LeDrew, 2019). Keadaan ini menjadikan ateisme semakin diterima dalam masyarakat Barat khususnya golongan akademik (Martin, 2007). Terdapat tiga faktor kebangkitan pemikiran ateisme pada abad ke-19 dan ia boleh diringkaskan sebagaimana berikut;

- a) Perkembangan ilmu sains yang bertentangan dan tidak selari dengan dakwaan agama;
- b) Pandangan falsafah yang membincangkan isu moral dunia dan kaitannya dengan sifat kesempurnaan Tuhan;
- c) Kemunculan pendekatan sejarah dan kritis dalam memahami serta mentafsir Bible menggunakan pendekatan empirik dan bebas (Hymen, 2010).

Namun pada akhir abad ke-19, terdapat gerakan yang ingin membebaskan diri daripada agama dan Tuhan seperti John Henry Newman dan Nietzsche. Pemikiran ateisme ini kemudian diterima oleh masyarakat di Barat yang dikukuhkan lagi melalui media massa dan media sosial (Bullivant, 2013). Ikatan Barat terhadap urusan politik dan sosial diputuskan terus daripada agama dan gereja. Perkara ini menyebabkan Gerhad Ebeling menyatakan bahawa zaman ini ialah zaman ateisme dan ia disokong oleh Schubert Ogden kerana beranggapan agama dan Tuhan kelihatan janggal dan asing (Buckley, 1987).

Neo-Ateisme: Fahaman Ateisme Radikal Abad ke-21

Istilah *neo-atheism* atau *new atheism* merujuk kepada gerakan yang dipelopori dan dipimpin oleh ‘*The Four Horseman*’ iaitu Richard Dawkins, Daniel Dennett, Sam Harris dan Christopher Hitchens yang muncul di Barat pada awal abad ke-21 (Bullivant, S., 2013). Tokoh neo-ateisme berpegang kepada falsafah naturalisme dan berkembang menjadi fenomena dalam masyarakat Barat sehingga ia diangkat oleh pelbagai golongan. Keadaan ini membangkitkan semangat ateisme yang berbeza, lebih ‘keras’ dan radikal sehingga ia disifatkan seperti gerakan militan dan liberalisme *laissez-faire* yang ekstrem (al-‘Ujayri, 2012; McAnulla, 2012; Frans De Waal, 2013; Lyons & Butt, t.th.).

Organisasi ateis yang terkemuka di Amerika Utara; CFI (*Centre of Inquiry*) telah dipengaruhi oleh golongan ateis militan yang membawa agenda penentangan terhadap negara (LeDrew, 2019). Penentangan terhadap konsep ketuhanan dan agama secara aktif menjadikan gerakan ini kelihatan seperti satu bentuk ‘agama’ yang baru dan boleh dikategorikan sebagai ideologi yang mempunyai ciri-ciri berikut;

- a) Liputan media secara menyeluruh dan baru;
- b) Kritikan yang agresif terhadap agama;
- c) Mengangkat aspek sains tabii dan rasionalisme
- d) Mengangkat ideologi sekularisme
- e) Berpegang kepada prinsip kesementaraan alam semesta (Mohamad Razif Mohamad Fuad et al., 2023).

Pada tahun 2023, peratusan golongan ateis di seluruh dunia telah meningkat hingga mencapai 16% (Ipsos, 2023). Enam daripada sebelas negara yang menerajui statistik tertinggi ateis ialah negara Barat iaitu Republik Czech (72%), Sweden (46-85%), Estonia (60%), UK (31-44%), Belgium (42-43%) dan Australia (24-25%) (Vujinović, 2024). Walaupun Barat sangat terbuka kepada ateisme (Anshory et al., 2023; Duile, T., 2020) pemikiran ini masih mendapat tentangan dari pelbagai pihak kerana umumnya ia sangat bertentangan dengan fitrah manusia.

Bagi membuktikan perkara ini, Alvaro, (2022) menggunakan prinsip-prinsip ilmu Kalam ulama' Islam untuk menunjukkan bahawa ateisme jelas (*explicit atheism*) adalah tidak rasional walaupun ia disandarkan kepada bukti saintifik. Bahkan menurut Buckley (1987), ateisme di Barat bukanlah berlaku kerana pertentangan agama dengan sains tetapi berpunca daripada konflik konsep agama Kristian itu sendiri dan pendekatan dakyah mereka menyebabkan penganut berpaling ke arah sains sebagai asas kepercayaan. Banyak kajian yang menggunakan hujah saintifik untuk membuktikan bahawa ateisme adalah bertentangan dari nilai sains dan fitrah manusia itu sendiri seperti Jan Tesař (2019), Marcelo Gleiser dalam temu bual oleh Billings (2019), Rehman (2020), Gould (1999) dan lain-lain.

Kesimpulan

Takrif ini ateisme secara literal lebih umum dan bersifat pasif sedangkan makna yang lebih dekat terhadap ateisme bukanlah ketiadaan kepercayaan tersebut, tetapi ia cenderung berpaling darinya sebagai tanda penolakan. Hal ini dapat dilihat dari sudut sejarah. Istilah ateisme dalam konteks moden bersifat lebih tegas, aktif dan khusus dalam menolak kewujudan Tuhan sementara dalam sejarah klasik ia difahami sebagai istilah umum yang tidak membawa kepada penolakan mutlak. Perubahan makna ini menunjukkan evolusi konsep ateisme dari sekadar ketidakpercayaan atau sikap skeptikal terhadap Tuhan kepada kepercayaan aktif bahawa Tuhan tidak wujud dalam pemikiran moden. Evolusi ini terjadi berikutan kelemahan konsep ketuhanan dan agama Kristian yang tidak mampu menjadi hujah selari dengan perkembangan sains dan teknologi.

Justeru, penerapan fahaman yang berbagai daripada pemikir-pemikir Barat tanpa bersumberkan wahyu mula menjadi sebahagian daripada latar belakang masyarakat Barat yang cuba mencari kebenaran. Perkara ini menyebabkan perbincangan terhadap ateisme menjadi semakin kompleks. Menurut Ethan (2015), keadaan ini menjurus kepada *double-edged issue*; pertambahan teori yang berbeza dalam kalangan sarjana Barat menyebabkan terma ini tidak dapat dimaksudkan secara tepat dalam masa yang sama menimbulkan berbagai terma lain. Perkara ini menyebabkan ateisme tidak mempunyai maksud yang tetap dan konsisten dan ia boleh digunakan untuk merujuk kepada maksud yang berkaitan, bertindih dan tertentu mengikut konteks penulis (Bullivant, 2013).

Walaupun idea dan fahaman ateisme ini digerakkan secara aktif melalui medium sains dan keilmuan serta mendapat tempat di Barat, ia masih mendapat tentangan kerana ia tidak mampu memberikan penyelesaian khususnya kepada nilai moral dan kerohanian. Malah, ia masih boleh diperdebatkan semula melalui hujah-hujah rasional dan metodologi sains yang asas. Dari sudut positif, pertembungan antara ajaran Kristian dengan prinsip rasionalisme dan materialisme ini secara tidak langsung menarik kembali masyarakat Barat ke arah penggunaan akal yang sebelum ini dipinggirkan oleh dakyah gereja.

PERBAHASAN *ILHĀD* DALAM PERSPEKTIF ISLAM

Pemahaman terhadap *ilhād* dari perspektif Islam boleh dilihat melalui beberapa sudut yang penting. Pentakrifan perkataan *ilhād* dalam perspektif Islam dilihat melalui maknanya dalam Bahasa Arab, takwilan para ulama' terhadap ayat al-Quran dan konteks yang digunakan dalam sejarah Islam. Oleh itu kajian ini akan meneliti ketiga-tiga aspek ini pada bahagian ini.

Definisi *Ilhād* Dari Sudut Bahasa dan Istilah

Akar perkataan *ilhād* terdiri daripada tiga huruf iaitu la-ha-da, yal-hu-du dan *ilhād* (لحد، يلحد، إلحاد). Perkataan لحد mempunyai dua cara baca sama ada ia dibaca sebagai لَحَدَّ atau لَجِدَّ. Perbezaan baris ini menjadikan maksudnya berbeza. Menurut Ibn Faris sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Zamakhshary (1987), perkataan *ilhād* ialah kata terbitan daripada perkataan لَحَدَّ; yang ditakrifkan sebagai menyimpang dari jalan yang lurus. Oleh kerana beliau tidak memperincikannya, kajian menghimpunkan maksud tasrif dan maksud bagi perkataan *ilhād* oleh Ibn Manzur (t.th.) dalam *Lisān al-‘Arab* sebagaimana berikut;

Perkataan	Maksud
لَحَدَّ	مال وعدل Cenderung dan berpaling
أَلَحَدَّ	مارى وجادل membantah dan berdebat
يُلْحِدُ	Sedang atau akan menyimpang
إِلْحَادُ	في اللغة: الميل عن القصد Cenderung dari matlamat الأصل: الميل والعدول عن الشيء Cenderung dan berpaling dari sesuatu
مُلْحِدٌ	الملحد العادل عن الحق المدخل فيه ما ليس فيه Orang yang menyimpang dari kebenaran dan memasukkan perkara yang tidak ada terhadap kebenaran tersebut.

Jadual 5.1

Perincian maksud *ilhād* dalam *Lisān al-‘Arab*

Secara umumnya, *ilhād* dalam konteks agama bermaksud cenderung dan menyimpang (مال وعدل) (Ibn Manzur, t.th.). Manakala pelakunya (mulhid) menurut Ibn Qutaybah (828-829M) adalah orang yang menyeleweng daripada jalan yang lurus;

وأما الملحد فهو العادل الجائر عن القصد

Maksud: Dan adapun mulhid itu; dia ialah orang yang menyeleweng daripada jalan yang lurus (Ibn Qutaybah, 1977).

Dalam mentakrifkan perkataan mulhid, al-Zamakhshari (1075-1144M) mengecilkan maknanya kepada golongan yang menolak semua aliran agama. Beliau menyatakannya sebagaimana berikut;

ومنه الملحد، لأنه أَمال مذهبه عن الأديان كلها لم يمله عن دين إلى دين

Maksud: Dan daripadanya golongan mulhid, (dinamakan demikian) kerana cenderung berpaling aliran mazhabnya daripada seluruh agama; bukanlah berpaling dari agama lain kepada agama lain (al-Zamakhshari, 1987)

Selain beliau, al-Zujjāj juga mentakrifkan *ilhād* sebagai pemikiran yang meragui Allah SWT (Ibn Manzur, t.th.). Takrif yang dikemukakan oleh kedua-dua tokoh ini berkemungkinan digunakan pada zaman moden untuk merujuk kepada pemikiran ateisme.

Tafsiran Makna Ilhād Menurut al-Quran

Al-Quran dan hadith merupakan panduan utama ulama' dalam mentakrifkan perkataan memandangkan tafsirannya lebih luas mengikut *asbab* nuzul. Oleh itu, kajian mengambil pendekatan untuk meringkaskan maksud *ilhād* yang digunakan dalam al-Quran menurut para ulama' tafsir. Perkataan *ilhād* sama ada *مُلْتَحِدًا إِلْحَادًا* disebut sebanyak enam kali dalam al-Quran dengan maksud yang berbeza mengikut konteks ayat (Ibn Qutaybah, 1977). Obaida Ahmed Majid (2020), menyimpulkannya kepada tiga maksud iaitu;

a. Penyelewengan terhadap nama dan ayat-ayat Allah SWT

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۖ وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ ۚ سَيُجْزَوْنَ
مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: Dan bagi Allah itu nama-nama yang baik maka serulah Dia dengannya. Dan tinggalkanlah mereka yang menyalah ertikan nama-nama-Nya. Kelak mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan (al-A'raf: 180).

Menurut al-Baghawi (1997), dalam konteks ini, perbuatan *ilhād* terhadap nama-nama Allah SWT ditafsirkan sebagai pendustaan.

b. Serangan mempersoalkan atau meragui kebenaran yang dibawa oleh al-Quran dan;

إِنَّ الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي آيَاتِنَا لَا يَخْفَوْنَ عَلَيْنَا ۚ أَفَمَنْ يُلْقَىٰ فِي النَّارِ خَيْرٌ أَمْ مَنْ يَأْتِي
أَمِنًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ اعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ ۚ إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang mengingkari ayat-ayat Kami, mereka tidak tersembunyi daripada Kami. Apakah orang-orang yang dilemparkan ke dalam neraka lebih baik ataukah mereka yang aman sentosa pada Hari Kiamat? Lakukanlah apa yang kamu kehendak! Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan (Surah al-Fusilat: 40).

Al-Tabari dalam tafsirnya menghimpunkan makna bagi perkataan perlakuan *ilhād* terhadap ayat-ayat Allah SWT sebagai satu kecenderungan untuk menjauhinya serta berpaling daripadanya dengan mendustakannya. Ia juga boleh bermaksud memperolok-olokkannya dengan siulan dan tepukan, menjauhinya dengan sikap degil, atau memesongkannya serta mengubah maknanya (Tafseer al-Tabari, t.th.).

c. Kecenderungan untuk menyalahi syariat Islam.

Selain itu, perkataan *ilhād* juga disebut dalam Surah al-Nahl sebagaimana di bawah;

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ ۖ لِّسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِيٌّ
وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa mereka yang musyrik itu berkata; “Sebenarnya dia (Muhammad) diajar oleh manusia”. (Padahal) bahasa orang yang mereka sandarkan itu ialah bahasa asing sedangkan al-Quran ini berbahasa Arab yang fasih lagi nyata (Surah al-Nahl:103).

Oleh kerana perkataan ini mempunyai dua cara bacaan, al-Farra’ menjelaskan bahawa sebutan يُلْحِدُونَ membawa maksud cenderung ke arahnya; يميلون إليه manakala jika ia dibaca وَيُلْحِدُونَ membawa maksud berpaling (Ibn Manzur, t.th.). Tafsiran sama yang dimaksudkan bagi perkataan يلحدون pada Surah al-Hajj, apabila al-Baghawi (1997) mentafsirkannya sebagai ‘cenderung’ ke arah kezaliman manakala bagi Abu al-Sa’ūd (t.th.), ia membawa pengertian terpesong dari kebenaran. يعدول عن القصد. Maksud ini juga sama sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Nasafi (1998) dalam tafsirnya *Madārik al-Tanzīl wa Haqā’iq al-Ta’wīl*:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ الَّذِي جَعَلْنَاهُ لِلنَّاسِ
سَوَاءً الْعَاكِفُ فِيهِ وَالْبَادِ ۚ وَمَنْ يُرِدْ فِيهِ بِإِلْحَادٍ بِظُلْمٍ نُذِقْهُ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang kafir yang menghalangi manusia dari jalan Allah dan mendatangi Masjidil Haram yang telah Kami jadikan untuk semua manusia, baik yang bermukim di situ ataupun di padang pasir dan siapa yang bermaksud melakukan kejahatan secara zalim, nescaya Kami rasakan kepada mereka sebahagian seksa yang pedih (Surah al-Hajj:25).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa *ilhād* dari sudut bahasa mempunyai maksud yang sangat umum iaitu berpaling daripada satu keteguhan atau kebenaran. Ia merangkumi berbagai aspek yang menunjukkan seseorang itu menjauhi kebenaran. Manakala dalam konteks agama, *ilhād* menjurus kepada satu kecenderungan ke arah kesesatan sehingga terdapat takrif yang menyatakan bahawa mulhid itu sebagai orang yang meragui Allah SWT dan tidak menerima mana-mana agama sebagai pegangan hidup. Berdasarkan maksud secara bahasa ini, tafsiran terhadap perkataan *ilhād*, dalam al-Quran menunjukkan bahawa ia lebih menjurus kepada maksud umum berbanding maksud khusus mulhid. Oleh itu, setiap perkara yang membawa penyimpangan daripada apa yang diturunkan Allah SWT melalui al-Quran dan hadith dianggap sebagai mulhid.

Kelompok Mulhidin dalam Konteks Sejarah Islam

Takrif dan pengertian *ilhād* sebagaimana yang dikemukakan di atas menunjukkan bahawa *ilhād* sentiasa wujud pada setiap zaman. Perkara ini dinisbahkan kepada hadith Rasulullah SAW yang dinukilkan daripada Ibn ‘Uthaimīn sebagaimana di bawah;

سَتَفْتَرِقُ هَذِهِ الْأُمَّةُ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ فِرْقَةً، كُلُّهَا فِي النَّارِ إِلَّا وَاحِدَةً.

Maksud: Umat ini akan terpecah kepada tujuh puluh tiga golongan. Semuanya akan masuk ke neraka kecuali satu golongan (Ibn Uthaimin, 1434H).

Namun begitu, dalam sejarah Islam tidak semua golongan yang menyimpang daripada ajaran Islam dinamakan sebagai mulhid kecuali golongan tertentu. Terdapat dua perspektif yang boleh dilihat melalui penelitian ini iaitu perspektif mulhid sebagai penolakan terhadap kewujudan Tuhan dan perspektif mulhid sebagaimana yang digunakan oleh ulama’ Islam. Walaupun umat Islam dipisahkan oleh berbagai mazhab dan aliran tauhid, kewujudan Tuhan sebagai pemilik dan pencipta alam masih menjadi asas kepada setiap aliran ini. Memandangkan perspektif yang pertama adalah sangat asing dalam sejarah Islam, kajian akan menumpukan terhadap perspektif kedua.

Mulhid Pada Zaman Silam

Istilah mulhid dalam sejarah Islam merujuk kepada berbagai golongan termasuk sebahagian umat Islam. Antaranya ialah;

- a. Golongan muktazilah: disebut sebagai mulhid kerana pegangan mereka yang menyatakan al-Quran adalah makhluk (Abū al-Ḥasan al-Kinānī, 2002).
- b. Golongan zindik: Manakala ada abad ke-2 hingga ke-4 Hijrah, perkataan mulhid digelarkan kepada kerana menyembunyikan kekufuran dan menzahirkan keimanan. Golongan ini ialah golongan pemikir dan ahli falsafah (وأصحاب الرأي) yang berada di kota Basrah dan Kufah. Mereka dibahagikan kepada tiga kelompok utama iaitu;

- i. Orang Islam yang terpengaruh dengan ajaran Mani (*Manichaeism* / المانوية) (153-170H): Mempercayai bahawa dunia berasal daripada dua unsur yang kekal iaitu unsur cahaya dan kegelapan serta melarang menyembelih haiwan, memakan daging dan beberapa perkara lain;
- ii. Ahli kalam yang didominasi oleh keraguan akal dan;
- iii. Ulama' yang dipengaruhi oleh gerakan atau semangat kebangsaan (شعوبية) (Badwi, t.th.).

Antara dasar yang menjadi bantahan kelompok ini ialah tentang kebenaran al-Quran dan kenabian Rasulullah SAW yang merupakan fikrah ajaran Mani dan Brahmin serta beberapa agama lain yang cuba dihidupkan semula untuk merosakkan Islam. Mereka menggunakan pelbagai strategi dalam usaha mereka, termasuk melalui ilmu, syair, sastera, dan agama (Badwi, t.th.). Walaupun golongan ini berkembang pada zaman awal zaman Khilafah Abasiyyah iaitu tempoh penyebaran dan penterjemahan ilmu, ciri-ciri kelompok dapat diperhatikan wujud pada masyarakat Islam sekarang. Antaranya ialah kelompok umat Islam yang cenderung ke arah ajaran yang berbaur khurafat dan aneh, golongan yang mempersendakan dan menimbulkan syak terhadap amalan-amalan agama serta golongan penguasa dan ulama' yang mengutamakan semangat kebangsaan melebihi semangat seagama.

- c. Kelompok *al-dahriyyun*: Gelaran ini diberikan oleh ulama' terkemudian pada tahun 1158H. Fahaman ini mempercayai bahawa alam semesta tidak mempunyai kaitan dengan unsur metafizik melainkan ia hanya terikat dengan masa. Oleh kerana kelompok *al-dahriyyun* mengingkari kewujudan Pencipta alam semesta (al-Ghazali, 2001) serta alam akhirat, mereka tidak termasuk daripada kalangan umat Islam (al-Tahanawi, 1996). Fahaman sebegini dinamakan sebagai *al-dahriyyah* kerana dinyatakan oleh Allah SWT sendiri dalam al-Quran sebagaimana berikut;

وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَا إِلَّا الدَّهْرُ ۚ

Maksud: Dan mereka berkata: Kehidupan kami ini tidak lain tidak bukan hanyalah kehidupan dunia; kami mati dan kami hidup dan tidak ada perkara yang boleh mencelakakan kami kecuali masa (*al-dahr*) (Surah al-Jathiyah: 24).

Mulhid Moden

Kelompok yang digelar mulhid pada abad ke-20 ialah golongan yang dipengaruhi oleh pemikiran ateisme Barat. Pada zaman moden, kelompok *mulhidin* dalam dunia Islam telah meningkat secara drastik. Menurut Khalid Diab (2020), tsunami ateisme ini meningkat secara drastik selepas peristiwa Arab Spring pada tahun 2010. Kebimbangan terhadap isu ini dizahirkan pada persidangan khusus ulama' Islam di Mekah (al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī, 2020). Melalui kajian yang dilakukan ke atas 25,000 orang di 10 buah negara Arab mendapati bahawa pergerakan ini bersifat konsisten walaupun ia agak perlahan (BBC News, 2019; Eller, J. D., 2022). Keadaan ini disebut sebagai '*the quiet tsunami*' oleh kebanyakan pengkaji.

Lambakan kajian yang dilakukan terhadap negara Arab Islam menjurus kesimpulan bahawa ateisme telah berkembang dan mempengaruhi golongan belia Arab Muslim (Eller, J. D., 2022; Muḥammad ‘Abd al-Mun‘im ‘Abd al-Salām, 2019; Friawan et al., 2020; al-Mashharāwī, 1445M). Kehidupan ‘*La Dini*’ (لا ديني) telah menjadi satu gaya hidup yang dibanggakan. Eller Jack David (2022) dalam artikelnya menyatakan bahawa keadaan ini berlaku disebabkan oleh faktor berikut;

- a. Kekeliruan terhadap agama tidak dapat dirungkaikan dengan tuntas seterusnya menarik diri (*deliberation*) dari kehidupan bersyariat,
- b. Pengaruh falsafah Arab zaman pertengahan, falsafah Eropah dan perkara khurafat dalam Islam
- c. Pengaruh media massa yang cenderung memperlihatkan Islam sebagai agama yang bersifat negatif;

Negara Islam Malaysia dan Indonesia turut mendapat kesan yang sama. Walaupun Malaysia dan Indonesia mengangkat konsep ketuhanan sebagai sebahagian daripada kedaulatan negara melalui Rukun Negara dan Pancasila, ia masih berdepan dengan cabaran pengaruh ateisme dunia Barat. Gerakan ateisme moden di Malaysia dikesan sejak tahun 2013 melalui kewujudan blog dan kumpulan Facebook dengan berbagai latar belakang agama yang menolak pegangan bertuhan (Ramli, A. F., 2022). Data menunjukkan 1.8% daripada warga Malaysia ialah ateis (OpenDOSM, 2023). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut menyedari perkara ini dan menggesa tindakan serta pendedahan diberikan secara serius (JAKIM, --; MAIS, 2019). Bahkan kajian yang mengatakan bahawa pemikiran ateisme telah wujud sejak tahun 2008 di Indonesia melalui perkembangan teknologi maklumat (Muhammad Burhanuddin, 2014).

Kesimpulannya, *ilhād* merupakan istilah yang terdapat dalam al-Quran yang maksudnya boleh ditakwilkan mengikut konteks yang pelbagai selagi ia menepati maksud asalnya iaitu kecenderungan ke arah berpaling dari kebenaran. Dalam sejarah Islam golongan mulhid meliputi golongan muktazilah dan zindik yang menafikan fitrah manusiawi, meragui dan mempersendakan agama serta bersikap rasis. *Ilhād* juga dilabelkan kepada kelompok kafir yang berfahaman materialisme (الدهرية) dan kelompok minoriti yang mengingkari kewujudan Pencipta.

KECELARUAN PEMIKIRAN MODEN DAN PENJENAMAAN SEMULA *ILHĀD*

Dalam Islam, gelaran mukmin, muslim dan kafir ditakrifkan secara jelas untuk membezakan setiap kelompok manakala kelompok mulhid tidak dinyatakan melainkan ia menjadi gelaran bagi kelompok yang dinyatakan dalam al-Quran dan dicirikan oleh para ulama’ mengikut zaman dan keadaan. Perkara ini menunjukkan bahawa ilhad tidak boleh diterjemahkan kepada ateisme walaupun terdapat sebahagian ulama’ yang menisbahkan mulhid kepada pemikiran demikian yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan dan menolak sebarang anutan agama. Ia demikian berikutan takrif ini tidak dapat dituntaskan dalam konteks masyarakat Islam secara

realitinya. Bahkan dalam masyarakat Barat juga, definisi tersebut mengalami masalah yang sama.

Apabila perkataan *ilhād* digunakan bagi menyentuh isu umat Islam, pemahamannya perlu dikaitkan dengan Allah SWT sebagai Tuhan pemilik peraturan dan hukum-hukum yang bertepatan dengan fitrah memandangkan istilah ini telah digunakan terlebih dahulu oleh al-Quran. Kecelaruhan pemikiran yang terkandung dalam sejarah Barat Islam secara jelas menunjukkan bahawa *ilhād* merupakan satu sikap yang menjurus kepada satu titik yang sama iaitu;

“Meleraikan diri dari ikatan Allah SWT dan menafikan fitrah insan.”

Takrif ini merujuk kepada keragaman *ilhād* moden yang bukan lagi bersifat menolak semua agama atau berpindah agama. Sebaliknya ia berlaku dalam keadaan kekal dalam agama Islam. Ikatan Allah SWT yang dimaksudkan dalam definisi ini ialah peraturan dan hukum-hukum-Nya. Fitrah pula ialah perasaan semula jadi dalam diri manusia yang memerlukan kepada Tuhan yang perlu disembah dan menjalani kehidupan mengikut tabii kejadian insan. *Ilhād* adalah ruang vakum antara di antara iman dan kufur. Ada kalanya pemikiran *ilhād* memalingkan umat Islam daripada ajaran agama tanpa murtad dengan mengekalkan dan mempertahankan identiti Muslim secara zahir. Inilah gejala *ilhād* yang paling dominan di era moden.

Kesemua *ilhād* dalam bentuk ini adalah didorong oleh kepentingan yang berbagai. Dalam masyarakat Barat moden, ia dijenamakan dengan pelbagai istilah untuk menentukan arah kecenderungan pemikirannya sedangkan ke keseluruhannya terarah kepada empat gagasan penting yang telah dinyatakan dalam Surah Ali Imran ayat ke-14 sebagaimana berikut;

زَيْنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ
وَالْأَفْضَةِ وَالْأَخْيَلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْأَحْرَثِ ۚ ذَٰلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ
وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَتَابِ

Maksud: Diperindah kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga) (Surah Ali Imran:14).

Allah SWT menyatakan bahawa manusia diciptakan mempunyai kecenderungan dan kecintaan untuk berpasangan, memiliki pengaruh dan harta benda manakala dalam masa yang sama, mereka diberikan keistimewaan akal untuk berfikir dan mengawal kecenderungan ini.

“Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.” (Surah al-Nahl ayat 78). Keempat-empat aliran *ilhād* ini diterjemahkan kepada empat pemikiran moden sebagai naturalisme, sekularisme, materialisme dan liberalisme. Ia bertujuan untuk menentang fitrah kehambaan melalui kecenderungan manusia terhadap pasangan, kekuasaan atau pengaruh serta harta benda. Perkara ini dibahaskan sebagaimana berikut;

a. Naturalisme

Manusia diciptakan akal untuk memenuhi fitrah berilmu. Mengikut kajian, sel otak manusia berkembang sejak dalam kandungan dan mula pesat pada tahun pertama kehidupan (Volkow et al., 2024). Walaupun begitu, perkembangan otak manusia mengalami evolusi yang lebih rendah pada tempoh neonatal berbanding mamalia primat lain* kerana memerlukan faktor lain seperti persekitaran (Faudillah et al., 2023; Patel, 2023), perhatian ibu bapa dan keperluan asas yang mencukupi (Yanti Kusuma & Naimah, 2021) untuk membantu proses perkembangannya sehingga dewasa.

Perkembangan otak yang berterusan ini menunjukkan kecenderungan manusia untuk mendapatkan ilmu melalui interaksi dan pemerhatian terhadap alam sekitar. Bahkan perkataan ilmu (العلم) dan alam tabii (العالم) juga menunjukkan keterkaitan dan keperluan antara keduanya. Namun begitu, jika fitrah ini dipinggirkan dari Tuhan dan agama, ia akan membawa kepada pengetahuan yang bercanggah dengan kebenaran berikutan Allah SWT adalah hakikat ilmu. Dalam Surah Fātir, Allah SWT menyatakan;

إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ

Maksud: Sesungguhnya di antara hamba-hamba yang takutkan Allah hanyalah ahli ilmu. Sesungguhnya Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Pengampun (Surah Fatir: 28).

Oleh itu, peminggiran terhadap aspek ketuhanan dalam pengetahuan sains tabii membawa kepada pemikiran *ilhād* dengan bentuk fahaman naturalisme. Bahkan Thrower (2000) menyatakan bahawa pemikiran naturalisme adalah sumber kepada seluruh fahaman *ilhād* sebagaimana berikut;

All atheists are both methodological and what might be called 'ontological' naturalists. They don't just insist that scientific hypotheses must be kept free of occult explanations. They argue that scientific explanations are legitimate because there is nothing in reality

* Haiwan mamalia mempunyai otak primat yang mempunyai korteks dengan enam lapisan yang mempunyai fungsi pemprosesan maklumat seperti persepsi visual, kawalan motor serta fungsi pembelajaran dan ingatan. Ia menunjukkan bahawa haiwan lain juga mempunyai otak dan kesedaran bertindak tetapi lebih rendah berbanding kemampuan otak kognitif manusia. Lihat; Lancaster. M. A. (2024). Unraveling mechanisms of human brain evolution. *Cell Leading Age* 187(1):5838-5857

that can't be understood ultimately in material, physico-chemical, naturalistic terms. For the ontological naturalist, there is nothing apart from nature, and nature is self-originating, self-explanatory, and without overall purpose.

b. Liberalisme

Merriam Webster mendefinisikan liberalisme sebagai satu kecenderungan ke arah keterbukaan pemikiran dan tingkah laku tanpa terikat dengan tradisi. Falsafah ini digunakan dalam polisi politik, ekonomi, sosial (Merriam-Webster, t.th.) serta pengetahuan sains dan teknologi (Dewan Bahasa dan Pustaka, t.th.). Dari sudut politik, liberalisme adalah ideologi yang bersifat dinamik dan progresif (Abd Aziz A'zmi, 2016). Malah dalam konteks kenegaraan masyarakat Eropah, liberalisme adalah pelengkap kepada fahaman sekularisme kerana ia juga membolehkan penganut Kristian bebas mengamalkan ajaran agama walaupun prinsipnya; sekularisme dan *moral relativity* bertentangan dengan ajaran sebenar Kristian (Smith, 2023).

Modenisasi yang berlaku menyebabkan dunia Islam turut mendapat pendedahan dan mempengaruhi sebahagian umat Islam yang menamakan mereka sebagai Muslim liberal, Muslim progresif atau Muslim moderat. Dengan menerapkan konsep liberalisme negatif Barat, Muslim liberal membawa dasar pembebasan daripada sebahagian dari ajaran Islam yang dianggap bertentangan dengan kepentingan mereka. Ia berikutan Islam dianggap sebagai tidak progresif kerana menyekat naluri kemanusiaan dan kebebasan menzahirkannya (Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar, 2011).

Antara syariat Islam yang ditentang oleh golongan ini ialah hukum faraid, hudud, (Mazlan Ibrahim & Faiz Hadi Sanadi, 2024) dan kewajipan menutup aurat bagi wanita dan gaya hidup songsang seperti (LGBTQ) dianggap sebagai hak asasi manusia (Muhd Najib Abdul Kadir et al., 2020). Konsep kebebasan mengikut pertimbangan akal semata-mata ini menyebabkan Muslim liberal mencari rasionaliti syarak melalui agenda pentafsiran semula al-Quran, penolakan hadith sebagai sumber hukum, pluralisme dan mengiktiraf ideologi feminisme kerana menganggap Islam merendahkan martabat wanita (Siti Wahidah Mustapa & Muhd Najib Abdul Kadir, 2020; Abd Hamid & Naufal Ahmad Rijalul Alam, 2023).

Walaupun begitu, Muslim liberal tidak menyatakan kemurtadan secara jelas sebaliknya masih menggunakan al-Quran sebagai sumber pegangan dengan tafsiran sendiri (Indriaty Ismail & Ahmad Muhyuddin, 2021; Norzulaili Mohd Ghazali et al., 2020). *Ilhād* berupaya membawa manusia kepada kekufuran. Ia dilihat melalui usaha merealisasikan agenda murtad melalui penubuhan Interfaith Comission (IFC) dan Malaysian Interfaith Network (MIN) dengan gabungan 20 organisasi Islam dan Kristian (Mohamad Arifin, 2006). Peleraian dari ikatan ketuhanan berlaku kerana penerapan secara taqlid terhadap pemikiran Barat sedangkan undang-undang Islam dilengkapi prinsip keanjalan (مرونة) dan ketetapan (ثبات) untuk menjaga fitrah manusia.

c. Sekularisme

Cambridge Dictionary mendefinisikan sekularisme sebagai “*belief that religion should not be engaged in a country's regular social and political activities*” (Cambridge Dictionary, t.th.). Sekularisme bermula di dunia Barat bertujuan memisahkan ikatan gereja daripada pentadbiran negara (Gerard, 2011). Sistem politik sekular ini merebak hingga ke Perancis melalui Revolusi Perancis dikenali sebagai (*laïcité*) (Yolande, 2009) Sekularisme menjadikan agama sebagai kebebasan peribadi individu tanpa campur tangan negara manakala sekularisasi adalah proses memisahkan masyarakat daripada organisasi. Walaupun aplikasi sekularisme berbeza mengikut politik negara, namun ia masih memberi kesan negatif terhadap amalan beragama agama (Gerard, 2011).

Ia menyebabkan sentimen rasisme (الشعوبية) yang membawa kepada konsep pembinaan negara bangsa (*nation-state*) (Manzoor, 2018). Konsep ini telah digunakan oleh seluruh dunia termasuk negara-negara Islam (Robby, 2020) dan ia menyebabkan konflik, perpecahan, ketidakstabilan negara, ancaman kuasa asing dan mengekang pelaksanaan syariah Islam (Muhammad Yusuf Saleem, 2004). Bagi menyesuaikan, negara-negara Arab menerapkan sekularisme Arab (*secular Arabism*) (Liu, et al., 2022). Kesan ini dapat dilihat ketara selepas Perjanjian Sykes-Picot.

Perkara ini menunjukkan bahawa fahaman sekularisme adalah simbol kecintaan manusia kepada kekuasaan, pangkat dan jawatan. Kesan-kesan sekularisme ini menentang fitrah kehambaan dalam diri manusia melalui peleraian agama daripada pentadbiran negara. Dalam masa yang sama, ia juga bercanggah dengan sifat tabii manusia yang cenderung ke arah perdamaian dan pergaulan sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Hujurat sebagaimana berikut;

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksud: Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya kami ciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan kami jadikan kamu berbangsa dan berkabilah agar kamu saling mengenali. Sesungguhnya kemuliaan kamu di sisi Allah adalah berdasarkan ketakwaan kamu. Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui lagi Maha Halus Pengetahuan-Nya (Surah al-Hujurat: 13).

Walaupun sistem pentadbiran tertentu tidak dinyatakan dalam Islam, sekularisme dan politik perkauman adalah bertentangan dengan fitrah dan maqasid syariah. Ia boleh dilihat melalui pentadbiran politik Rasulullah SAW di Madinah yang menekankan persaudaraan dan keadilan tanpa batasan kaum. Politik matang ini memberi kesan positif terhadap kestabilan negara dan perpaduan ummah antara bangsa menjadikan sahabat dari berbagai latar bangsa berbeza tidak dipinggirkan. Abdullah bin Hamid, (t.th) menyenaraikan sahabat selain bangsa Arab seperti Salman al-Farisi dan Fayrūz al-Daylamī al-Himyarī dari Parsi, Bilāl ibn Rabāh al-Habshi dan Aflah Abū Fukayhah dari Habshah (Ethiopia), Zinnirah dan Suhaib berasal dari Rom atau Yunani serta keluarga Yasir yang tidak diketahui bangsanya.

d. Materialisme

Materialisme merupakan pemikiran yang berasaskan kebendaan (*matter*). Pemikir Tamadun Yunani menolak kewujudan perkara metafizik yang tidak dapat dikaji oleh sains. Pemikiran ini kemudian berevolusi dalam kehidupan masyarakat moden sebagai kecenderungan untuk mendapatkan kepuasan jiwa melalui kebendaan dan keselesaan fizikal (Charles, 2012). Menurut Watson materialisme adalah satu keyakinan bahawa tujuan kehidupan adalah untuk mendapatkan harta, kejayaan kewangan, meraih status dan mempunyai imej yang baik (Watson, 2019).

Pemikiran materialisme membuka ruang kepada idea Machiavelli yang diutarakan oleh Nicolo Machiavelli pada tahun 1513 dengan konsep “*the ends justify the means*” atau matlamat menghalalkan cara. Walaupun konsep ini dikritik (Khatir, 2020), pengamalannya secara tidak langsung boleh dilihat dalam jenayah rasuah dan salah guna kuasa. Bahkan pemikiran materialisme dalam masyarakat boleh dilihat melalui tiga sudut iaitu;

- a. Menjadikan kebendaan sebagai pusat kehidupan,
- b. Meyakini bahawa ia mampu memberikan kebahagiaan dan
- c. Menilai kejayaan seseorang melalui pendapatan, pemilikan atau kekuasaannya (Richins, 2004).

Manusia diciptakan cenderung kepada harta benda, namun pemikiran *ilhād* yang meleraikannya daripada ikatan ketuhanan dan menentang fitrah boleh membawa kepada kerosakan. Kebendaan berfungsi sebagai pelengkap kehidupan dunia, tetapi ia tidak boleh memberikan nilai kebahagiaan sebagaimana yang difahami oleh materialis. Ia berikutan kebahagiaan adalah sebahagian daripada aspek metafizik. Justeru ia memerlukan kepada kayu ukur yang sesuai. Dalam perbahasan ini, al-Nursi menyatakan bahawa kebahagiaan berasal daripada benih syurga. Oleh itu, ia boleh didapati pada iman dan amalan yang baik (Nursi, 2008).

Kecenderungan terhadap perkara ini adalah fitrah namun ia perlu diikat dan dikekang mengikut lunas-lunas agama. Keterikatan ini adalah bersandarkan kepada maqasid syariah untuk menjaga fitrah manusia. Dalam masa yang sama, Allah SWT juga menyatakan bahawa manusia dicipta dengan sifat tergesa-gesa.

سَأْرِيكُمْ آيَاتِي فَلَا تَسْتَعْجِلُونِ خُلِقَ الْإِنْسَانُ مِنْ عَجَلٍ ۚ

Maksud: Telah diciptakan manusia itu dengan sifat tergesa-gesa. Akan diperlihatkan tanda-tanda-Ku maka janganlah kamu ingin menyegerakannya (Surah al-Anbiyā':37).

***Ilhād* Wujud Seiring Kewujudan Manusia**

Kecenderungan yang bersifat fitrah ini juga menunjukkan bahawa *ilhād* wujud seiring dengan kewujudan insan, maka ia tidak dapat dihapuskan sebaliknya ia boleh dipinggirkan sahaja. *Ilhād* berlaku ketika Iblis ingkar untuk mematuhi perintah Allah SWT. Ikatan ketuhanan dalam konteks ini ialah ‘perintah sujud’ manakala menentang fitrah ialah ‘rasa kehambaan’. Ia juga berlaku dalam kisah-kisah umat terdahulu para nabi yang cuba meleraikan diri dari ikatan ketuhanan dan menentang fitrahnya kemanusiaan. *Ilhād* pertama dalam sejarah kemanusiaan pula bermula dari kisah Qabil dan Habil yang menyaksikan Qabil meleraikan dirinya dari perintah Allah SWT iaitu menyampaikan korban yang terbaik dan menentang fitrahnya iaitu rasa bertuhan yang perlu kepada ketaatan yang tidak berbelah bahagi. Faktor *ilhād* ini adalah pelbagai meskipun hasilnya satu. Jika keingkaran Qabil berpunca dari harta, wanita, kedudukan di sisi ayahnya dan lain-lain ia turut dapat diperhatikan dalam kisah para nabi selepas Adam AS. *Ilhād* juga boleh berlaku lebih dari satu peristiwa dalam satu zaman kenabian.

Faktor Dorongan *Ilhād*

Manusia mempunyai sekurang-kurangnya empat dorongan *ilhād* iaitu takdir Allah SWT, pengaruh ibu bapa, kecenderungan diri dan faktor sekeliling. Perkara ini boleh diperhatikan melalui hadith di bawah;

إن أحدكم ليُجمع خلقه في بطن أمه أربعين يوماً، ثم يكون في ذلك علقة مثل ذلك، ثم يكون في ذلك مضغة مثل ذلك، ثم يرسل الله إليه الملك فينفخ فيه الروح، ويؤمر بأربع كلمات: يكتب رزقه، وأجله، وعمله، وشقي أو سعيد، فوالذي لا إله غيره إن أحدكم ليعمل بعمل أهل الجنة حتى ما يكون بينه وبينها إلا ذراع فيسبق عليه الكتاب فيعمل بعمل أهل النار فيدخلها، وإن أحدكم ليعمل بعمل أهل النار حتى ما يكون بينه وبينها إلا ذراع فيسبق عليه الكتاب فيعمل بعمل أهل الجنة فيدخلها

Maksud: Sesungguhnya salah seorang di antara kalian dikumpulkan penciptaannya di dalam perut ibunya selama empat puluh hari, kemudian ia menjadi segumpal darah dalam waktu yang sama, kemudian menjadi segumpal daging dalam waktu yang sama. Lalu Allah mengutus malaikat kepadanya, lalu meniupkan roh ke dalamnya, dan ditakdirkan dengan empat perkara: rezekinya, ajalnya, amalnya, serta menjadi orang yang sengsara atau bahagia. Demi Zat yang tidak ada tuhan selain-Nya, sesungguhnya salah seorang di antara kalian benar-benar mengerjakan amalan ahli syurga hingga antara dia dan syurga hanya tinggal sehasta, tetapi takdir telah mendahuluinya, sehingga ia melakukan amalan ahli neraka, maka ia pun masuk ke

dalamnya. Dan sesungguhnya salah seorang di antara kalian benar-benar mengerjakan amalan ahli neraka hingga antara dia dan neraka hanya tinggal sehasta, tetapi takdir telah mendahuluinya, sehingga ia melakukan amalan ahli syurga, maka ia pun masuk ke dalamnya.

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يَنْصَرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Maksud: Setiap anak dilahirkan di atas fitrah, maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani dan Majusi (Ibn Hibbān, 1952).

KESIMPULAN

Melalui kajian terhadap epistimologi dan retrospektif terhadap ateisme dan *ilhād* jelas menunjukkan bahawa kedua-dua istilah ini tidak wajar diterjemahkan kepada satu makna yang literal. *Ilhād* dalam kajian ini merujuk kepada satu ruang antara keimanan dan kekufuran yang berlaku pada orang yang beriman kerana mereka meleraikan diri dari ikatan ketuhanan dan menafikan fitrah. *Ilhād* adalah zon bahaya kerana ia mendorong manusia ke arah kekufuran namun lebih mudah untuk ditundukkan berbanding ideologi bersifat radikal dan keras. Pemaknaan semula *ilhād* dalam konteks yang lebih luas juga adalah sangat penting bagi mengelakkan penularan pemikiran ateisme dalam kalangan umat Islam yang sebenarnya membuka ruang yang lebih besar ke arah kekufuran. Gelaran ateis terhadap umat Islam memudahkan pemikiran tersebut di doktrin ke dalam minda sedangkan perasaan ‘bertuhan’ itu fitrah. Islam juga sangat ketat menjaga gelaran kafir agar tidak berlegar dalam kelompok umat Islam yang tidak sepatutnya.

Kewujudan *ilhād* telah bermula sejak zaman Nabi Adam AS akan kekal hingga akhir zaman mengikut kecenderungan manusia terhadap fitrah mereka sama arah kekuasaan, kebebasan, pemikiran dan kebendaan. Perkembangan ini akan terus berterusan tanpa kesudahan jika tidak dihadkan takrifnya. Di sini jelas menunjukkan bahawa *ilhād* perlu kepada definisi baru seperti yang telah dihasilkan melalui kajian ini iaitu: ‘meleraikan diri dari ikatan ketuhanan dan menafikan fitrah’. Melalui takrif ini, *ilhād* akan dapat difahami dengan lebih tepat dan kedudukan *ilhād* akan mudah dikendalikan dalam konteks dakwah dan peminggirannya.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan atas sokongan kewangan dan teknikal bagi projek Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) di bawah geran FRGS/1/2021/WAB10/UNISZA/02/1.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

‘Abd al-Bāqī, Aḥmad Fu’ād. (1363H/). *al-Mu‘jam al-Mufahras li-alfāz al-Qur’ān al-Karīm*.

Kaherah: Maktabah al-Kutub al-Misriyyah.

- Abd Aziz A'zmi. (2016). Liberalisme dalam konteks asas pembinaan negara malaysia. *Jurnal Sains Sosial* 1(1):1–16. DOI: <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/48>.
- Abdullah bin Hamid Ali. (t.th.). Bilal & Other Racial Minorities in Early Islam. Lampost Education & Initiatives. Dilayari pada [3 September 2024]. Dilayari pada [https://lamppostedu.org/wp-content/uploads/2020/02/bilal_minorities.pdf]
- Al-‘Amādī Abū al-Sa’ūd Afandī bin Mahy al-Dīn. (t.th.). *Irshād al- ‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm*. Jil. 6. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-‘Āmidī, Abū al-Su’ūd Afandī ibn Mahy al-Dīn (t.th.). *Irshād al- ‘Aql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm*. Jil. 5. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Alexander, N. G. (2019): Defining and redefining atheism: dictionary and encyclopedia entries for “atheism” and their critics in the anglophone world from the early modern period to the present. *Intellectual History Review*. 1(1):1-19. DOI: 10.1080/17496977.2019.1642582
- Alvaro, C. (2022). Atheism as an Extreme Rejection of Rational Evidence of the Existence of God. *The Heythrop Journal*. 00(1): 1-16
- Anshory, A., Zulkiflee Haron, Ramli Awang dan Ahmad Faizuddin Ramli. (2023). Eksplorasi terhadap paradigma penyebaran islam para Rasul ‘Ulul Azmi: Analisis dari perspektif sejarah Islam. *Journal of Al-Tamaddun*. 18 (2):153-72
- Atheism for Beginners: A Course Book for Schools and Colleges*. Cambridge: The Lutterworth Press.
- Badwi, ‘Abd al-Rahmān. (t.th.). *Min Tārīkh al-ilhād fī al-Islām*. Mu’assasah al- ‘Arabiyah li al-Dirasāt wa al-Nasyr
- Al-Baghawī, al-Ḥusayn ibn Sa’ūd. (1997). Ma’ālim al-Tanzīl fī Tafsīr al-Qur’ān. Jil. 2. Riyadh: Dār al-Tayyibah
- Baggini, J. (2003). *Atheism: A Very Short Introduction*. New York: Oxford University Press.
- BBC News. (24 June 2019). The Arab World in seven charts: Are Arabs turning back on their religion? Dilayari pada [23 Mei 2024]. Diayari di [<https://www.bbc.com/news/world-middle-east-48703377>]
- Bediuzzaman Said Nursi. (2008). *The Words*. Istanbul: Sozler Publication.
- Billings, L. (2019). Atheism Is Inconsistent with the Scientific Method, Prizewinning Physicist Says. Dilayari pada [6 Februari 2024]. Dilayari di [<https://www.scientificamerican.com/article/atheism-is-inconsistent-with-the-scientific-method-prizewinning-physicist-says/>]
- Bloch, P. (2011). *Richard Dawkins: God Delusion*. Terj. Anna Blicharz. Warsaw: Flavius Publishing House.
- Buckley, M. J. (1987). *At the Origins of Modern Atheism*. U.S: Yale University Press.
- Bullivant, S. (2013). Defining Atheism. dlm. *The Oxford Handbook of Atheism*. Bullivant, S. & Ruse, M. (pnlyg). Oxford: Oxford University Press.
- Cambridge Dictionary. Dilayari pada [23 September 2024]. Dilayari di [<https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/secularism>]
- Charles, T. T. (2012). The End of Materialisme: How Evidence of Paranormal Bringing Science

- and Spirit Together. t.tt: Fearless Book at Smashword
- Christopher, F. S., Thomas, J. C., Ralph, W. H. J. dan Jenny, L. H. (2014): The six types of nonbelief: a qualitative and quantitative study of type and narrative. *Mental Health, Religion & Culture*. 17(10):990-1001. DOI: 10.1080/13674676.2014.987743
- Department of Statistic Malaysia. (2023, Ogos 30). Malaysia has a population of 32,447,385 people. What does this population look like. *OpenDOSM*. [https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku]
- Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Duile, T. (2020). Being atheist in the religious harmony state of Indonesia. *The Asia Pacific Journal of Anthropology*. 21(5): 450–465.
- Eliade, M. (pnyl.). (1987). *The Encyclopedia of Religion*. Jil. 1. New York: Macmillian Publishing Company.
- Faudillah, A. N. et al,. (2023). Dampak Stres Terhadap Perkembangan Otak Anak. *Jurnal Riset Golden Age Paud UHO*. 6(2): 70-75
- Fraser, L. J. (2018). *Atheism, Fundamentalism and the Protestant Reformation*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Friawan, M. S., et al,. (2020). Causes of the New Atheism: A Study on its Understanding Among Universities Students in Amman, Jordan. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*. 2(Special Issue):185–222. DOI: https://doi.org/10.22452/afkar.sp2020no2.7;
- Gaskin, J. C. A. (1989). *Varieties of Unbelief*. New York: Macmillan Publishing Company
- Gould, S. J. (1999). *Rocks of Ages: Science and Religion in the Fullness of Life*. New York: Ballantine Publishing Group.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. (2001). *Al-Munqidh min al-Ḍalāl*. Washington: The Council for Research of Values and Philosophy.
- Hyman. G. (2010). A Short History of Atheism.
- Ibn Ḥibbān. (1952). *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Kaherah: Dār al-Ma’ārif
- Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukram. (t.th.). *Lisān al-‘Arab*. Kaherah: Dār al-Ma’ārif.
- Ibn Qutaybah, al-Dīnūrī ‘Abdullah bin Muslim. (1977M). *Gharīb al-Hadith*. Tahqiq: ‘Abdullah al-Jubūrī. Jil. 1. Baghdad: Matba’ah al-‘Ānī.
- Ibn Uthaimīn, Muḥammad ibn Ṣāliḥ. (1434H). *Fatāwā Nūr ‘Alā al-Darb li-Ibn ‘Uthaymīn*. Riyadh: Mu’assasat al-Shaykh Muḥammad ibn Ṣāliḥ al-‘Uthaymīn al-Khayriyyah. Perawi: Tidak dinyatakan. Status Hadith: Sahih. No. hadith: 1/34
- Indriaty Ismail & Ahmad Muhyuddin. (2021). Pemikiran Sisters in Islam dan Hak Asasi Manusia. *Akademika*. 91(1): 151-164
- Ipsos. (2023, Mei). Global Religion 2023: Religious Beliefs Across the World. Ipsos. https://www.ipsos.com/sites/default/files/ct/news/documents/2023-05/Ipsos%20Global%20Advisor%20-%20Religion%202023%20Report%20-%2026%20countries.pdf
- Jan Tesař. (2019). *The History of Scientific Atheism*. Göttingen: Vandenhoeck & Ruprecht GmbH & Co.
- Jansen, Yolande. (2009). French Secularism in the Light of the History of the Politics of Assimilation. *Constllation*. 16(4): 593-603
- Khatir, Hadjer. (2020). Machiavelli’s Political Philosophy and Its Reception. *IOSR Journal of*

Humanities and Social Science (IOSR-JHSS). 25(2): 1-5

- Al-Kinānī, Abū al-Ḥasan. (2002). *Al-Ḥaydah wa al-I'tidhār fī al-Radd 'alā man Qāla bi-Khalq al-Qur'ān*. Tahqiq: 'Alī bin Maḥmūd. Madīnah: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥukm.
- Lancaster. M. A. (2024). Unraveling mechanisms of human brain evolution. *Cell Leading Age* 187(1):5838-5857
- LeDrew, S. (2019). The evolution of atheism: Scientific and humanistic approaches. *History of the Human Sciences*. 25(3), 70–87
- Liu, W., et al., (2022). War and the Nation- Building of Arab States in the Middle East. *Open Journal of Social Sciences*. 10(1): 206-215. h.213. DOI: <https://doi.org/10.4236/jss.2022.107018>.
- Lukman Hakim & Mohd Nasir Omar. (2011). Mengenal pemikiran islam liberal. *Jurnal Substantia* 14 (1): 179-198. h.183; Indriaty Ismail & Ahmad Mahyuddin Hassan. (2011). Ciri- ciri dan Asas-asas Utama Islam Liberal dalam Pergerakan Sisters In Islam. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Isu-isu Islam Liberal. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.17 Februari. h.13
- Lyons, E & Butt, K. (t.th.) *Militant Atheism*. Apologetics Press. Dilayari pada [Oktober 11 2020] Dilayari di [http://www.apologeticspress.org/apcontent.aspx?category=12&article=2051].
- Al-Majma' al-Fiqh al-Islāmī. (2012). Bayān Hawl Tanāmī bawadir Ilhād fī Ba'd al-Mujtami'āt al-Islamiyyah.
- Āthāruhu wa Asbābuhu wa 'Ilājuhu. Risālah Duktūrāh, Jāmi'at Umm al-Qurā.
- Majlis Agama Islam Selangor. (3 Mei 2019). Kecelaruhan Ateisme Terhadap Tuhan dan Agama. Dilayari pada [23 Jun 2024]. Dilayari di [https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/06/Artikel-Khas-Bil.4.2019-Kecelaruhan-Ateise.pdf]
- Manzoor Ahmad Naazer. (2018). Islamic Universalism and the Nation State. *Liberal Arts and Social Sciences International Journal (LASSIJ)*. 2(2):29-41. DOI: <https://doi.org/10.47264/idea.lassij/2.2.4>
- Martin, M. (pnylg.). (2007). *The Cambridge Companion to Atheism*. Cambridge: Cambridge University Press
- Mazlan Ibrahim & Faiz Hadi Sanadi. (2024). Liberal Muslim Interpretation of Islamic Shari'a: An Analysis. *Akademika*. 94(1): 14-25. DOi: <https://doi.org/10.17576/akad-2023-9401-02>
- McAnulla, S. (2012). Radical Atheism and New Religious Power. The New Visiblity of Atheism in Europe. 2(1): 87-99; Frans De Waal. (25 Mac 2013). Has militant atheism become a religion? Dilayari pada [Oktober 11 2020]. Dilayari pada: [https://www.salon.com/2013/03/25/militant_atheism_has_become_a_religion/]
- Merriam-Webster. (t.th.). Atheism. dlm. Merriam-Webster.com dictionary. Dilayari pada [Februari 15, 2025] Dilayari pada [https://www.merriam-webster.com/dictionary/atheism]
- Merriam-Webster. (t.th.). Liberalism. Dlm Merriam-Webster.com dictionary. Dilayari pada [February 23, 2025]. Dilayari di [https://www.merriam-webster.com/dictionary/liberalism]
- Michael, P. (2013). *Atheism for Beginners: A Course Book for Schools and Colleges*

- Mohamad Ariffin bin Ismail. (2006). *Cabaran akidah: pemikiran Islam liberal*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.
- Mohamad Razif Mohamad Fuad, Khairul Naim Che Nordin, Mohd. Fauzi Hamat dan Mohammad Abdelhamid Salem Qatawneh. (2023). Godless mind: exploring the rise and the influence of new atheist thinkers. *Jurnal Usuluddin*. 51(2): 89-120
- Muhammad Burhanuddin. (2014). Sejarah dan Perkembangan Komunitas Indonesian Atheist Tahun 2008-2013. Disertasi Master. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Muhammad Rashidi Wahab. (t.th.). Ateisme: Satu Penelitian Awal.
- Muhammad Yusuf Saleem. (2004). Muslim Powerlessness and Nation-State. *International Journal of Muslim Unity*. 2(1):85-100.
- Muhammad ‘Abd al-Mun‘im ‘Abd al-Salām. (t.th.). *Zāhirat al-Ilhād: Asbābuhā – Āthāruhā – Subul al-Wiqāyah minhā. Majallat Hawliyyāt Kulliyat al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa al-‘Arabiyyah li al-Banāt bi al-Iskandariyyah*. 35(1):347-399
- Muhd Najib Abdul Kadir, Mohd Izwan Md Yusof, Mazlan Ibrahim, Hamdi Ishak dan Abur Hamdi Usman (2020). Malaysian Muslim Gay And Lesbian Community’s Perspective on the Concept of Marriage and Domestic Partnership in the Quran. *Journal Of Critical Reviews*. 7(10):2730-2735
- Al-Nasafi, ‘Abdullah bin Ahmad (1998). *Madārik al-Tanzīl wa Haqā’iq al-Ta’wīl*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Kalam al-Tayyib.
- Norzulaili Mohd Ghazali, Mohd Zohdi Mohd Amin, Robiatul Adawiyah Mohamad dan Nadzrah Ahmad. (2020). An Analysis of Sisters in Islam’s (SIS) Misinterpretation of the Gender Equality in the Quran. *Ma‘ālim Al-Qur’ān Wa Al-Sunnah*, 16(2), 31–47. <https://doi.org/10.33102/jmq.v16i2.231>
- Nur Bakri Abd Hamid & Naufal Ahmad Rijalul Alam (2023). The Development of Islamic Liberal and its Impact on Muslim in Malaysia. *Al-Afkar, Journal For Islamic Studies*, 6(3): 627–641. h.632 DOI: 10.31943/afkarjournal.v6i3.664.
- Obaida Ahmed Majid. (2020). The Concept of Atheism in Quran. *Islamic Sciences Journal*. 11(2):232-256.
- Patel, K. (2023). A Detailed Review of Factors that Influence Early Brain Development. *Scholarly Review Journal*. Showcase Online (Summer 2023 Pt 1): 21-28
- Phillips, G. (2011). Introduction To Secularism. London: National Secular Society.
- Quillen, E. G. (2015). Discourse Analysis and the Definition of Atheism. *Science, Religion and Culture*, 2(3): 25-35.
- Ramli, A.F., et al,. (2022). Understanding the atheism phenomenon through the lived experiences of Muslims: An overview of Malaysian atheists’. *HTS Teologiese Studies/Theological Studies*. 7(8):1-8. DOI: <https://doi.org/10.4102/hts.v78i1.7640>
- Rehman, A. (2020). Moralities: A Contemporary Discourse Between New Atheism And Islam. *Islāmiyyāt* 42(2): 113 – 124. DOI: <https://Doi.Org/10.17576/Islamiyyat-2020-4202-11>
- Richins, M. L. (2004). The Material Values Scale: Measurement Properties and Development of a Short Form. *Journal of Consumer Research*. 31(1): 209–219. h.211. DOI:[doi:10.1086/383436](https://doi.org/10.1086/383436)

- Robby, H. M. F. (2020). Arab Nationalism: Past, Present, and Future. *Journal of Integrative International Relations*. 5(1): 1-32.
- al-Shahrastānī, Muḥammad ibn ‘Abd al-Karīm. (1988). *al-Milal wa al-Niḥal*. Jil. 1. Beirut: Dār al-Ma’rifah
- Siti Wahidah Mustapa & Muhd Najib Abdul Kadir. (2020). Tema Utama Pemikiran Muslim Liberal. *Jurnal Al-Ummah*. 2(1):1-16
- Smith, S. D. (2023). Christians and/as liberals. *Notre Dame Law Review*. 98(4): 1497-1522.
- Tafsir al-Tabari. (t.th.). Dilayari pada [24 Februari 2025]. Dilayari pada [<http://quran.ksu.edu.sa/tafseer/tabary/sura41-aya40.html>]
- al-Tahānawī, Muḥammad ‘Alī ibn ‘Alī. (1996). *Mawsū‘at Khashshāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn*. Jil. 1 Lubnan: Maktabah Lubnan.
- Thrower, J. (2000). *Western Atheism: A Short History*. New York: Prometheus Books.
- Thomas, D. R. (2006). A General Inductive Approach for Analyzing Qualitative Evaluation Data. *American Journal of Evaluation*. 27(2): 237-246. DOI: 10.1177/10982140052837486
- Al-‘Ujayri, ‘Abd Allah bin Salih. (2014). *Milīshiyā al-Ilhād*. Hammersmith: Takween Study and Research
- Urszula, L., Adrianna, Z., Patrycja, G., dan Marzena. S. (2020) Atheism and discrimination in the face of contemporary changes in the world. *Culture – Society – Education*, 1(17), 289–297
- Volkow, N. D., et al., (2024). The Healthy Brain and Child Development Study (HBCD): NIH collaboration to understand the impacts of prenatal and early life experiences on brain development. *Developmental Cognitive Neuroscience* 69 (1): 1-9
- Vujinović, N. (November 23, 2024). 11 Most Atheist Countries In 2024: Where Secular Values Are Thriving. *Southeast Journal*. Dilayari pada [17 September 2024]. Dilayari di [https://www.southwestjournal.com/world/most-atheist-countries/?utm_source=chatgpt.com]
- Walker, A. (2019). *Seven Atheisms: Exploring the varieties of atheism in John Gray’s book Seven Types of Atheism*
- Watson, D. C. (2019). Materialism: Temporal balance, mindfulness and savoring. *Personality and Individual Differences*. 146(1): 93-98.
- Yanti Kusuma & Naimah. (2021). The Needs of Children: Multiperspectives Study. *Journal of Early Childhood Care and Education*. 4(2):38-53
- Yazid, Z. E., Ahmad Fauzi Abdul Hamid, Folmer, H., dan Beaumont, J. R. (2014). secularisation in western society: an overview of the main determinants. *Pensee Journal* .76(6): 393-413
- Al-Zamakhshary, Maḥmūd bin ‘Umar. (1987). *Al-Kasysyāf ‘an al-Ḥaqā’iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī. Jilid 2. h.635; Ibn Fāris, Abī al-Husayn Ahmad bin Fāris bin Zakaria. (t.th.). *Maqāyīs al-Lughah*. Tahqiq: ‘Abd al-Salām Muhammad Hārūn. Berut: Dār al-J il.